

APA ADA PADA NAMA?

APABILA genap 10 tahun pemergian Seniman Agung Negara, Allahyarham P. Ramlee ke alam baka baru-baru ini, ketidadaannya dikenang semula oleh ramai dengan perasaan terharu bercampur kecewa.

Perasaan itu telah menimbulkan semula satu polemik hangat mengenai isu nama P. Ramlee yang sudah lama bersarang dalam hati penduduk Pulau Pinang, negeri tumpah darah Allahyarham itu dengan Kerajaan Negeri.

Telah bertahun-tahun lamanya berbagai pihak dan anak tempatan mengesakan Kerajaan Negeri supaya melakukan sesuatu

Oleh
ZAKARIA ABDUL WAHAB

untuk mengabadikan nama Allahyarham P. Ramlee, putera Pulau Pinang yang banyak berjasa dan memberi sumbangan besar terutama dalam dunia perfilman dan muzik tanahair.

Ramat telah mencadangkan Jalan Caunter Hall yang merintang kampung kelahirannya ditukar dan dinamakan 'Jalan P. Ramlee' sebagai mengenangan jasanya.

Ramat menganggap cadangan itu paling sesuai.

Tetapi Jalan Caunter Hall yang sepan-

jang kira-kira 0.4 Kilometer (suku batu) itu tetap dengan nama asalnya kerana nama itu tidak boleh ditukar dengan sekelip mata.

Menerima

Pengerusi Jawatankuasa Penamaan Jalan Negeri, Datuk Khor Gark Kim berkata satu garis panduan diperlukan untuk memelihara sebarang cadangan sebelum penukaran nama-nama jalan dapat dilakukan.

Katanya jawatankuasa itu masih mengkaji garis panduan tersebut yang

akan siap tidak lama lagi.

Garis panduan itu antara lainnya akan mengambil kira sama ada orang ramai dapat menerima nama baru jalan atau tidak.

Bagaimanapun, katanya jawatankuasa itu mungkin membincangkan cadangan untuk menukarkan nama Jalan Caunter Hall kepada 'Jalan P. Ramlee' dalam mesyuaratnya tidak lama lagi.

Menurutnya pihaknya masih menunggu satu kertas kerja mengenai cadangan itu untuk dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.

Selainnya kenyataan Datuk Khor yang juga Ahli Exco Kerajaan Negeri itu telah disifatkan oleh penduduk tempatan sebagai 'memedihkan telinga'.

Kalangan penduduk tempatan memsifatkan kenyataan itu tidak wajar kerana soal menukarkan nama Jalan Caunter Hall bagi dibincangkan dengan nama P. Ramlee sudah bertahun-tahun disuarakan sejak pemergian

allahyarham.


Berbagai-bagai pertubuhan dan berpuluh-puluh cadangan dan rayuan telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk menukarkan nama Jalan Caunter Hall yang terletak kira-kira 1.6 kilometer dari pusat bandaraya Georgetown tetapi tidak berhasil.

Bekas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Tan Sri Abdul Samad Idris sendiri pernah menerima cadangan untuk menukarkan nama Jalan itu tidak lama dulu.

Sebenarnya isu penukaran nama Jalan Caunter Hall bukanlah yang pertama pernah ditimbulkan oleh orang ramai di negeri ini.

Pusat

Umno Bahagian Jelutong pernah membuat usul tidak lama dulu kepada Kerajaan Negeri supaya menukarkan nama 'Jalan Yahudi' di sini dengan nama 'Jalan Palestin' bagi mengenang nasib dan perjuangan rakyat Palestin menentang Israel. Pengerusi Majlis Belia Negeri, Encik Rani Ibrahim pernah mencadangkan nama Jalan Penang dinamakan 'Jalan Tun Abdul Razak' sesuai dengan kompleks 'Tun Abdul Razak (Komtar)' yang ada di jalan itu.



● TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA ALHAJ

Di negeri ini ada tidak kurang dari 100 nama jalan, lorong, lebuh, medan, pesara, lintang, pesiaran dan pangkalan yang masih kekal dengan nama asing terutama penjajah British.

Antara nama jalan yang berbau penjajah ialah 'Lebuh Buckingham, Lebuh Dickens, Lebuh Downing (Pejabat Ketua Menteri di bangunan Tuanku Syed Putra terletak di Jalan ini), Lebuh Light, Lebuh Queen, Lebuh King dan banyak lagi.

Terdapat juga Jalan Dunlop, Jalan Wright, Jalan Williams, Lorong Pierce, Medan York, Pesara Raja Edward, Pesara Glanman, Lintang Scott, Pesiaran Gurney, Pangkalan Weld dan lain-lain.

Penjajah

Terdapat juga sekumpulan nama jalan yang mengandungi nama tempat dan negara asing.

Antaranya ialah Jalan Siam, Lorong Bangkok, Lebuh Hong Kong, Lorong Madras, Jalan Irawadi, Jalan Moulinein, Jalan Rangoon, Jalan Salween, Jalan Burma dan Jalan Scotland.

Jalan-jalan itu ialah Jalan Transfer, Jalan Bell, Lebuh Bishop, Lebuh Bridge, Jalan Brown, Jalan Chessman, Jalan Barrack, Jalan Lines, Jalan Pinhorn, Jalan Tramway dan Jalan Valley.

Terdapat juga nama jalan yang berasal dari jenis bintang seperti Jalan Kucing, Lengkok Kuda, Lorong Ikan (dulunya Fish Lane) dan yang menarik seperti Love

Lane (namanya masih belum ditukar), Jalan Pintal Tali (dulu Rope Walk), Jalan Barisan Sepoy dan Lorong Seratus Tahun.

Bukan sahaja nama-nama jalan yang dicadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya ditukarkan kepada nama tempatan malah juga nama negeri Pulau Pinang.

Bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj sendiri pernah memberi pandangan bahawa gelaran 'Pulau Mutiara' bagi negeri ini ditukarkan kepada 'Pulau Intan' kerana gelaran lama sudah tidak sesuai.

Di zaman penjajahan dulu, pihak British memberikan gelaran 'Prince of Wales Island' untuk negeri ini.

Jambatan

Sehingga ini jawatankuasa penamaan jalan itu sudah menukarkan beberapa nama jalan seperti Jalan Utama (dulu Jalan Residency) dan Jalan Masjid Negeri (Green Lane).

Mengenal penukaran nama jalan-jalan dengan 'sekelip mata' seperti 'Jalan Sultan Ahmad Shah' (dulu Jalan Northam) tanpa desakan manamana pihak, Datuk Khor Gark Kim berkata jalan-jalan tersebut telah dikelaskan sebagai 'jalan luar biasa'.

(Nama Jalan Northam telah ditukar kepada Jalan Sultan Ahmad Shah sebagai mengenang jawatan rasmi Yang di-Pertuan Agong ke negeri ini Januari lalu). — Bernama,



● DATUK KHOR GARK KIM

● TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS